

BEAZYME TABLET

Proteolytic Enzyme From Carica Papaya (150000 USP units)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Beazyme
2. Bagaimana Beazyme berfungsi
3. Sebelum menggunakan Beazyme
4. Cara menggunakan Beazyme
5. Semasa menggunakan Beazyme
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Beazyme
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Beazyme

Beazyme tablet digunakan bersama dengan terapi fizikal atau kemoterapi yang lain untuk rawatan atau pencegahan bengkak dan keradangan.

Bagaimana Beazyme berfungsi

Beazyme mengandungi *proteolytic enzyme* dari *carica papaya* sebagai bahan aktif. Beazyme bertindak sebagai enzim anti-radang.

Sebelum menggunakan Beazyme

- Bila tidak boleh menggunakan

- Anda menghadapi penyakit darah beku.
- Anda menghadapi mana - mana jangkitan yang merebak dalam badan atau sistemik.

- Sebelum menggunakan Beazyme

Beritahu doktor anda jika :

- Anda mengandungi atau menyusu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut yang akan berinteraksi dengan Beazyme Tablet.

- Sebarang ubat antikoagulant untuk mengelakkan darah beku

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Beazyme dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Beazyme

- Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan oral sahaja.

Untuk dewasa: Kunyah atau hisap 2 tablet 4 kali sehari untuk hari pertama, diikuti oleh satu tablet 4 kali sehari paling kurang 5 hari.

- Bila perlu digunakan

Guna seperti yang diarahkan oleh doktor anda atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatan.
- Ikut saranan dan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

- Jangan mengandakan sukatan kerana Beazyme

mungkin akan memberikan kesan sampingan yang memudaratkan.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dinasihatkan supaya anda hubungi dan memaklumkan doktor anda jika anda mengambil Beazyme Tablet berlebihan.

Semasa menggunakan Beazyme

- Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mesti dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan doktor anda jika anda perlu mengambil ubat lain secara tiba-tiba.
- Ambil Beazyme mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Beazyme lebih daripada kekerapan yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan lebih dos tablet pada setiap satu masa pengambilan.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan

hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Beazyme boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doctor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccine (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Beazyme

Penyimpanan

Jauhkan Beazyme daripada kanak-kanak
Simpan ubat anda di tempat kering pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas ditutup dengan baik dan lindungi daripada cahaya.

Pelupusan

Jangan guna Beazyme yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Maklumat lanjut

• Rupa dan warna produk

Pil berdiameter 8mm, berwarna biru muda, berbentuk bulat, leper, bergores dan bertanda 'UPHA/BZYM'

• Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
 - Proteolytic Enzyme dari Carica Papaya
- Bahan tidak aktif:
 - Talcum
 - Icing sugar
 - Liquid glucose
 - Povidone
 - Sodium carboxy methyl cellulose

- FD and C Blue #1
- FD & C Yellow #6
- Methyl salicylate flavour
- Oil of peppermint
- Isopropyl Alcohol
- Magnesium stearate

- Nombor MAL
MAL19912640X

Pengilang

Upha Pharmaceutical Mfg (M) Sdn Bhd (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Pemegang Pendaftaran Produk

Upha Pharmaceutical Mfg (M) Sdn Bhd (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RIMUP
13/06/2018

Serial Number:
NPRA (R4/1)270418/00128